

07/07/1997

Pilihan raya Semerak dijangka sengit

KOTA BHARU, Ahad - Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak dijangka sengit kerana Barisan Nasional (BN) dan Pas pernah memenangi kerusi itu.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata sebelum ini, kedua-dua parti menang hanya dengan majoriti kecil.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan berkenaan, Sulaiman Ahmad, pagi tadi.

"Saya lihat rakyat di kawasan ini (Semerak) lebih memihak kepada kerajaan negeri.

"Oleh kerana kita (Pas) menguasai kerajaan, mungkin rakyat akan memilih kembali kita walaupun secara marginal," katanya pada majlis perasmian Seminar Gejala Sosial di Balai Islam, Lundang, dekat sini, hari ini.

Seminar sehari anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) dan Pemadam negeri itu dirasmikan Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid.

Abdul Halim yang juga Timbalan Menteri Besar berkata demikian ketika diminta mengulas peluang Pas dalam menghadapi pilihan raya kecil itu.

Allahyarham Sulaiman, 63, memenangi pilihan raya umum 1995 atas tiket Pas dengan menewaskan calon BN, Ismail Awang dengan majoriti 248 undi.

Menurut beliau, harapan Pas semakin cerah berikutan Kampung Tok Bali yang termasuk dalam DUN itu akan dibangunkan menjadi pusat pendaratan ikan termoden.

"Projek ini sangat besar dan dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Atas dasar ini rakyat akan pilih kita (Pas) lagi," katanya.

Ditanya sama ada pengaruh Pas terjejas berikutan kekecohan pada mesyuarat pemilihan Pas kawasan Pasir Puteh baru-baru ini, Abdul Halim berkata, ia tiada kaitan.

(END)